



جابتن حال إحوال اِكْلام إِسلام قولوا قِينْخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**ANUGERAH SYAWAL
SATU KEMENANGAN**



Tarikh Bacaan:
4 APRIL 2025M / 5 SYAWAL 1446H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Anugerah Syawal Satu Kemenangan

4 April 2025M/ 5 Syawal 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَأُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIHORMATI SEKALIAN,

Memulakan bicara khutbah, khatib ingin mengajak para jemaah sekalian untuk sama-sama meningkatkan darjat ketaqwaan di sisi Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan bermujahadah bersungguh-sungguh menunaikan segala titah perintah dan meninggalkan segala apa yang ditegah. Redha pada setiap ketentuan, taat dalam setiap suruhan, istiqamah dalam setiap kebaikan. Moga kita semua mencapai misi taqwa dalam menyusur jalan pulang kembali ke pangkuan-Nya.

Di hujung setiap ujian dan pengorbanan, pasti ada ganjaran kemenangan yang dijanjikan. Justeru, mimbar ingin mengajak sidang jemaah sekalian untuk menghayati sebuah khutbah yang bertajuk: “**ANUGERAH SYAWAL SATU KEMENANGAN.**”



HAMBA ALLAH YANG DIRAHMATI,

Dunia ini diciptakan oleh Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** sebagai medan ujian bagi setiap insan. Ujian pula menjadi bukti tahap keimanan. Maka Ramadan yang telah berlalu, datang bersama pakej latihan dan ujian intensif melebur segala nafsu. Hasilnya, Allah telah meraikan para hamba-Nya dengan anugerah Syawal, sebagai hadiah kemenangan setelah sempurna sebulan berpuasa. Hanya mereka yang berjaya menterjemahkan falsafah puasa, akan menjadikan Syawal sebagai penerus kepada momentum ibadah yang telah dicapai sepanjang bulan Ramadan.

SIDANG JEMAAH MUKMININ YANG DIRAHMATI,

Di dalam kitab Lisanul Arab, Syawal berasal dari Bahasa Arab iaitu 'syala' "شَال" yang bermaksud melonjak atau meningkat. Ini adalah kerana Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** telah menggandakan darjat dan pahala orang yang beriman di dalam bulan puasa. Dengan demikian, pasca Ramadan ini diharapkan prestasi amalan kita akan terus meningkat dan bertambah baik, hasil daripada tarbiah yang telah kita lalui sepanjang berada di madrasah Ramadan yang penuh keberkatan.

Jika ditelusuri sejarah, Syawal ini bertitik tolak dari peperangan Badar yang berlaku di bulan Ramadan. Di bawah teriknya mentari, berbekalkan kekuatan 313 orang sahabat yang setia di sisi Nabi, perang Badar telah mencipta sejarah kerana umat Islam telah berjaya mengalahkan seluruh kekuatan musyikin Mekah yang lebih ramai sekitar 1,000 orang di bawah pimpinan Abu Jahal.

Slogan jihad terus berkumandang, para sahabat terus berjuang walaupun jasad disimbah keringat. Puasa bukanlah alasan untuk menunjukkan lemah dan menyerah kalah, ironinya umat Islam telah mencipta rekod kemenangan pertama dalam semangat Ramadan. Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* menggalakkan kita untuk memperbanyakkan takbir di bulan ini bagi menzahirkan kemenangan dalam kesyukuran. Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* di dalam Surah Al-Baqarah ayat 185:

... *وَلِشَكَرُوا لِلَّهِ عَلَىٰ مَا هَدَانَا لَكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ* ﴿١٨٥﴾

Maksudnya: "Dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjuk-Nya yang diberikan kepadamu semoga kamu bersyukur."

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI,

Ramadan juga telah membentuk dan melentur jiwa kita agar serasi dan sehati dalam kelazatan beribadah. Justeru, alangkah indahnya andai amalan sunnah ini dapat diteruskan di bulan Syawal khususnya dan umumnya pada sebelas bulan yang mendatang.

Dari taqwa lahirnya sifat syukur atas nikmat berhari raya. Walaupun kita disunatkan untuk menyambut perayaan dengan riang gembira, namun jagalah adab dan tatasusila agar fitrah berhari raya tidak bertukar menjadi fitnah. Amalan seperti ziarah dan kunjung-mengunjung adalah sunnah yang sangat dituntut untuk mengeratkan silaturrahim dan ukhuwah. Elakkan perbuatan maksiat sehingga menyebabkan kita kembali tewas kepada hasutan nafsu dan syaitan. Usahalah sedaya mungkin untuk

menjauhi dari perbuatan yang mengikut “trend” dan “content” yang boleh mencemar dan mencalar pahala ibadah di bulan yang mulia ini.

Maka, usah terleka sehingga terlupa untuk merebut tawaran pahala sepanjang tahun oleh Allah melalui anjuran puasa sunat enam hari di bulan ini. Hadis Riwayat Muslim daripada Abu Ayyub al-Ansori رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ اتَّبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ

Maksudnya: “Sesiapa yang berpuasa pada bulan Ramadan kemudian mengikutinya dengan mana-mana enam hari pada bulan Syawal, ia bersamaan dengan berpuasa sepanjang tahun.”

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Kedatangan Syawal juga mengingatkan kita kepada beberapa peristiwa al-Ahzab atau Khandak yang berlaku pada bulan Syawal tahun kelima hijrah.

Perang Ahzab berlaku ketika umat Islam berada dalam suasana Syawal. Namun ketika semboyan jihad dibunyikan, umat Islam sentiasa siap sedia menuju ke medan jihad. Lalu diberikan kemenangan oleh Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. Inilah takbir yang kita laungkan setiap kali kita menyambut hari raya iaitu:

وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحَدَّهُ

Maksudnya: “Dan Dia (Allah) telah memuliakan tentera-Nya (para hamba-Nya yang beriman) serta mengalahkan golongan pakatan tentera Ahzab secara bersendirian.”

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah, mimbar ingin mengajak dan menyeru sidang jemaah untuk sama-sama mengambil iktibar dari isi khutbah yang disampaikan;

Pertama: Segala amalan dan rutin ibadah bukan hanya bermusim, namun berusaha untuk meneruskan momentumnya pada bulan-bulan yang mendatang.

Kedua: Syawal perlu diraikan dengan penuh kerendahan dan kesyukuran kerana hari raya itu adalah tanda kemenangan.

Ketiga: Banyakkan bertakbir membesarkan Allah atas segala nikmat kurniaan setelah berjaya mengharungi ujian.

Hayatilah erti Syawal seiring kehendak Ilahi. Jadilah kita hamba Allah yang bertaqwa, bukannya makhluk Allah yang derhaka.

Tersebut di dalam ayat 22 Surah al-Ahzab:

وَلَمَّا رَأَى الْمُؤْمِنُونَ الْأَحْزَابَ قَالُوا هَذَا مَا وَعَدَنَا اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَصَدَقَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ

وَمَا زَادَهُمْ إِلَّا إِيمَانًا وَتَسْلِيمًا ﴿٢٢﴾

Maksudnya : “Dan ketika orang yang beriman melihat tentera al-Ahzab mereka berkata: “ Inilah ia yang telah dijanjikan oleh Allah dan Rasul-Nya kepada kami. Benarlah (apa-apa yang telah dijanjikan) Allah dan Rasul-Nya (angkatan tentera musuh yang dilihat oleh mereka) itu tidak memberi

sebarang kesan selain menambahkan iman dan penyerahan diri mereka kepada Allah.”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2025M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2024
memutuskan bahawa:

Pertama: Restoran yang bertanda “free-pork dan no pork no lard” dan “muslim friendly”, adalah tidak menepati piawaian halal yang diiktiraf oleh JAKIM.

Kedua: Tidak sewajarnya bagi seorang Muslim membuat ulasan (review), promosi, atau menjadi duta bagi restoran yang sedemikian.

Oleh itu, pastikan kita hanya mengunjungi restoran yang mempunyai logo halal JAKIM yang sah kerana mencari yang halal itu satu kefarduan.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينِ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوِلَايَةَ فُؤَلَاوِ فَيَنْبَغِ آمِنًا مُطْمَئِنًّا
سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُؤَسَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بَعْنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau
Pinang dan Toh Puan Khadijah Binti Mohd Noor.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha
Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang
istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat
melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf
MAINPP. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian,
serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam*

Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولاه فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG